



CANDIDATE
NAME

--	--	--	--	--

--	--	--	--

0546/22

May/June 2024

You must answer on the question paper.

No additional materials are needed.


- Answer **all** questions.
- Use a black or dark blue pen.
- Write your name, centre number and candidate number in the boxes at the top of the page.
- Write your answer to each question in the space provided.
- Do **not** use an erasable pen or correction fluid.
- Do **not** write on any bar codes.
- Dictionaries are **not** allowed.

- The total mark for this paper is 45.
- The number of marks for each question or part question is shown in brackets [].


DC (DE/SW) 326518/2
© UCLES 2024

[Turn over


1 Lihat gambar-gambar berikut.




A




B




C



D



E



F

Tulis huruf yang betul (**A–F**) di dalam kotak jawapan yang betul.

(a) Aida berkelah di tepi pantai.

[1]

(b) Aida membeli aiskrim di gerai.

[1]

(c) Aida bermain layang-layang bersama adik.

[1]

(d) Banyak bot nelayan di pantai.

[1]


(e) Aida membina istana pasir yang cantik.

[1]

[Jumlah: 5]

2 Lihat papan-papan tanda ini.

Di Stesen Kereta Api




Bagi setiap kenyataan, tulis huruf yang betul (**A–H**) dalam kotak.

- | | | |
|---|----------------------|-----|
| (a) Amar membeli tiket untuk perjalanannya ke Gemas. | <input type="text"/> | [1] |
| (b) Ravi menyambut adiknya yang tiba dari Ipoh di sini. | <input type="text"/> | [1] |
| (c) Leena membeli makanan untuk bekalan perjalanan. | <input type="text"/> | [1] |
| (d) Tina boleh melihat waktu perjalanannya di sini. | <input type="text"/> | [1] |
| (e) Puspa menyimpan barang-barangnya di sini. | <input type="text"/> | [1] |

[Jumlah: 5]

- 3 Baca e-mel berikut dengan teliti. Tanda (✓) pada jawapan yang betul.



- (a) Hari jadi Laila adalah pada hari ...

A Selasa

☐

B Jumaat

☐

C Rabu

☐

[1]

- (b) Bilakah majlis sambutan itu akan diadakan?

A sebelum waktu sekolah

☐

B semasa waktu sekolah

☐

C selepas waktu sekolah

☐

[1]

(c) Apakah yang ibu Sofee akan masak?

A spageti

☐

B piza

☐

C manisan

☐

[1]

(d) Apakah perasa kek yang Laila gemar?

A coklat

☐

B pisang

☐

C keju

☐

[1]

(e) Mira akan membawa ...

A hadiah.

☐

B kawan.

☐

C minuman.

☐

[1]

(f) Nazmi akan ...

A mengemas meja.

☐

B menghibur tetamu.

☐

C menghidang makanan.

☐

[1]

(g) Ke manakah Cikgu Anita akan membawa Laila?

A ke bilik guru

☐

B ke makmal

☐


C ke padang

☐

[1]

[Jumlah: 7]

4 Baca e-mel di bawah dan jawab soalan-soalan berikutnya dalam **Bahasa Melayu**.



(a) Di manakah Helena dan Norlin mula berkawan?

..... [1]

(b) Apakah sebab ibu Helena pergi ke Kuala Lumpur?

..... [1]

(c) Berapa lamakah Helena dan ibunya berada di Kuala Lumpur?

..... [1]

(d) Apakah yang Helena dan Norlin gunakan untuk berjalan-jalan di Kuala Lumpur?
Beri **dua** jawapan.

1

2 [2]

(e) Mengapakah Norlin rasa seperti pelancong di tempat sendiri?

..... [1]

(f) Apakah tarikan utama di Menara Kuala Lumpur?

..... [1]

(g) Apakah yang menarik perhatian Helena di Akuarium Blue Coral?

..... [1]

(h) Apakah yang terbalik di dalam Rumah Terbalik?

..... [1]

(i) Apakah yang mereka buat di Taman Eko Rimba?

..... [1]

(j) Mengapakah Norlin tidak dapat melepaskan tangan Helena?

..... [1]

(k) Apakah yang Norlin tidak sangka?

..... [1]

[Jumlah: 12]

5 Baca kenyataan-kenyataan (a–e) dan iklan (1–8).

Apa yang mereka boleh buat semasa cuti sekolah?

Bagi setiap kenyataan (a–e) tulis nombor yang betul (1–8) di atas garisan.

Aktiviti cuti sekolah

- | | | | |
|---|---|---|-------|
| a |  | <p>Aisha mahu menjadi seorang blogger terkenal. Dia mempunyai blognya sendiri tetapi tidak ada ramai pengikut. Dia pandai mengambil foto yang bagus tetapi tidak pandai menulis kandungan.</p> | |
| b |  | <p>Kamil ingin mengumpul duit tambahan supaya dia dapat membeli telefon bimbit yang baharu. Dia pernah bekerja sambil di restoran sebelum ini tetapi tidak menyukainya. Dia mahu pengalaman yang berbeza.</p> | |
| c |  | <p>Chandran aktif dalam aktiviti luar. Dia suka berkayak dan berkhemah. Oleh kerana cuti kali ini jatuh pada musim hujan, dia ingin mencuba aktiviti lasak yang baharu di dalam tempat tertutup.</p> | |
| d |  | <p>Justin sangat kreatif. Dia ingin melanjutkan pelajarannya dalam bidang seni moden. Sebelum itu, dia mahu belajar serba sedikit tentang seni membuat tembikar dan lukisan.</p> | |
| e |  | <p>Faizah ingin meluangkan masa cutinya membuat kerja-kerja amal dengan badan sukarela. Dia pandai mengajar dan melayan kanak-kanak. Ini merupakan pengalaman pertamanya. Dia tidak pandai memasak.</p> | |

- 1 Pusat Sukan Mendaki Tembok Mahawangsa menawarkan pakej istimewa musim cuti sekolah untuk pelajar sekolah rendah dan menengah. Pusat kami mempunyai lima tembok dalaman untuk peringkat kemahiran berbeza dan kami menyediakan jurulatih berpengalaman yang akan memastikan anda berjaya mencapai objektif pendakian.
- 2 Kafe Melati memerlukan seorang pembantu dapur sementara untuk menolong kerja-kerja seperti persiapan bahan mentah dan mencuci peralatan dapur kafe kami. Kemahiran memasak adalah satu kelebihan tetapi tidak diperlukan. Makanan untuk pekerja juga disediakan.
- 3 Anda tidak tahu apa yang mahu ditulis dalam blog anda? Bagaimanakah anda boleh menulis blog dengan mudah dan pantas? Jika anda mahukan jawapan kepada soalan ini, sertailah bengkel saya dan saya akan kongsi strategi untuk membina blog yang berkesan.
- 4 Studio Inspirasi menawarkan pelbagai kursus seni dan kraf. Dalam kursus menggunakan tanah liat, anda akan menggunakan bahan ini dan belajar membancuh warna, sambil menenangkan fikiran dan menghasilkan barangan pinggan mangkuk unik ciptaan anda sendiri.
- 5 Pusat Jagaan Sayang mencari sukarelawan yang prihatin dan berkebolehan untuk membantu kami menjalankan aktiviti dengan anak-anak istimewa seperti membaca, seni dan kraf serta berkomunikasi. Anda akan dibimbing oleh pengurus yang berpengalaman.
- 6 Anda ada kamera tetapi tidak tahu untuk menggunakannya dengan betul? Ikuti bengkel fotografi dengan Akademi Vista. Anda akan belajar menggunakan teknik pencahayaan serta komposisi fotografi yang berkesan yang akan menghasilkan gambar terbaik untuk laman web, blog serta media sosial anda.
- 7 Kedai Buku Aduka mencari pekerja sementara untuk mengendalikan stok buku dan alat tulis. Pengalaman bekerja yang berkaitan tidak diperlukan. Kami akan mengajar anda kemahiran merekod stok dan mengimbang akaun.
- 8 Mari sertai Kem Remaja Wawasan semasa cuti sekolah ini! Kem selama 3 hari 2 malam ini akan dipenuhi dengan aktiviti mencabar seperti berkhemah dan berkayak yang akan dikendalikan jurulatih sukarelawan tentera.

[Jumlah: 5]

6 Baca blog di bawah dan jawab soalan-soalan berikutnya dalam **Bahasa Melayu**.

“Sila ambil bunga dan dermalah seikhlas hati untuk membantu kucing jalanan.”

Begitulah papan tanda di hadapan seorang pemuzik jalanan, Mat Rambu, sambil dia mendendangkan lagu merdu diiringi petikan gitarnya.

Orang ramai yang lalu-lalang di hadapan Restoran Melur; ada yang berhenti sebentar untuk mendengar nyanyiannya dan ada yang memberi wang kecil ke dalam tin biskut Mat Rambu. Ada juga yang terus berlalu tanpa menghiraukan nyanyian yang berkumandang.

Mat Rambu ialah seorang mekanik yang sayangkan kucing. Pada hari-hari biasa, Mat Rambu akan keluar bekerja di bengkel kereta dari awal pagi hingga ke petang. Setiap hujung minggu pula, dia akan duduk di hadapan Restoran Melur bersama kelengkapan muziknya untuk menghiburkan para pelanggan di situ.

Mat Rambu bermain muzik dan menyanyi untuk mencari duit tambahan bagi makanan dan keperluan lebih 30 ekor kucing terbiar yang dibelanya sejak tiga tahun lepas. Pada awalnya, dia hanya ada 4 ekor kucing yang diberikan oleh jirannya yang berpindah. Rasa sayang Mat Rambu terhadap kucing adalah hasil didikan ibu bapanya yang sentiasa mengingatkannya supaya menyayangi semua haiwan.

Mat Rambu juga sanggup bermotosikal setiap malam ke pasar berdekatan rumahnya untuk memberi makan kucing yang berkeliaran di sana. Kalau dia terjumpa kucing yang sakit, dia akan membawanya ke klinik haiwan berdekatan. Doktor haiwan di situ pun sudah kenal Mat Rambu dan selalu memberinya diskaun untuk rawatan.

“Saya selalu rasa risau jika saya tak ke pasar, haiwan-haiwan ini akan menunggu saya sampai saya datang. Kasihan, kerana tiada siapa yang hiraukan mereka.”

Mat Rambu berkata kadang kala dia merasa kesal kerana ramai orang yang tidak hiraukan nasib haiwan jalanan ini. Lebih menyedihkan lagi apabila ada orang yang sengaja mencederakan mereka.

Dia juga meminta masyarakat agar tidak meninggalkan haiwan peliharaan di jalanan kerana haiwan itu sukar untuk hidup sendiri.

“Sebelum ni, mereka ada tuan yang menguruskan makanan dan tempat tinggal. Tindakan meninggalkan haiwan belaan di pasar atau kedai makan adalah sikap yang tidak bertanggungjawab. Ia sangat bahaya.”

“Ganjaran membantu kucing-kucing ini bukanlah dari segi duit atau pengiktirafan. Tetapi, apa yang penting bagi saya ialah rasa puas hati dengan apa yang saya lakukan,” katanya.

(a) Apakah yang dibuat oleh orang yang sukakan nyanyian Mat Rambu? Beri **dua** jawapan.

1

2 [2]

(b) Mengapakah Mat Rambu hanya bermain muzik pada hujung minggu sahaja?

..... [1]

(c) Sudah berapa lamakah Mat Rambu membela kucing?

..... [1]

(d) Dari manakah Mat Rambu belajar menyayangi haiwan?

..... [1]

(e) Bagaimanakah Mat Rambu membantu haiwan-haiwan terbiar pada waktu malam?
Beri **dua** jawapan.

1

2 [2]

(f) Mengapa Mat Rambu rasa dia bertanggungjawab terhadap kucing-kucing di pasar?

..... [1]

(g) Apakah yang membuatkan Mat Rambu rasa sangat sedih?

..... [1]

(h) Mengapakah tindakan meninggalkan haiwan belaan di jalanan itu bahaya?

..... [1]

(i) Apakah yang Mat Rambu dapat dalam usahanya membantu kucing-kucing jalanan?

..... [1]

[Jumlah: 11]

BLANK PAGE

Permission to reproduce items where third-party owned material protected by copyright is included has been sought and cleared where possible. Every reasonable effort has been made by the publisher (UCLES) to trace copyright holders, but if any items requiring clearance have unwittingly been included, the publisher will be pleased to make amends at the earliest possible opportunity.

To avoid the issue of disclosure of answer-related information to candidates, all copyright acknowledgements are reproduced online in the Cambridge Assessment International Education Copyright Acknowledgements Booklet. This is produced for each series of examinations and is freely available to download at www.cambridgeinternational.org after the live examination series.

Cambridge Assessment International Education is part of Cambridge Assessment. Cambridge Assessment is the brand name of the University of Cambridge Local Examinations Syndicate (UCLES), which is a department of the University of Cambridge.